

TEORI PEMBENTUKAN KATA GANDA BERIMA BAHASA MELAYU

Mohd Yunus Sharum

Fak. Sains Komputer dan Tek. Maklumat,
Univ. Putra Malaysia
m_yunus@upm.edu.my

ABSTRAK

Kata ganda berima merupakan segolongan kata ganda yang kurang mendapat perhatian pengkaji bahasa Melayu. Puncanya disebabkan kata ganda berima kurang digunakan dalam bahasa formal. Adakah ia memang bukan bahasa formal? Kajian ini cuba mencari jawapannya dengan mengenal pasti faktor pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu. Hasil analisa terhadap faktor-faktor yang terlibat, penulis membentuk Teori Pembentukan Kata Ganda Berima, yang menjelaskan proses kewujudannya dalam bahasa Melayu. Menerusi hipotesis ini, penulis mengatakan bahawa pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu lebih dari sekadar pembentukan eufoni dan mempunyai peranan penting dalam pembentukan bahasa.

ABSTRACT

Rhyming words got less attention among researchers who studied the Malay language. The reason is because such words are less used in formal context. So, are they really meant only to be used informally? This research tries to identify the answer by identifying the factors of the existence of rhyming words in Malay. As the result, the writers formed the Theory of Rhythmic Reduplication's Formation, which explains the process behind its existence in the Malay language. Through this hypothesis, the writers also claim that the formation of rhythmic reduplication in Malay language is not just based on the formation of euphony but instead have an important role in forming the language.

KATA KUNCI

Bahasa Melayu; Penggandaan; Penggandaan Berima; Pembentukan Kata; Semantik Penggandaan.

Malay Language; Reduplication; Rhythmic Reduplication; Word Formation; Reduplication Semantic.

PENGENALAN

Penggandaan berima merupakan salah satu proses penggandaan yang dikenal pasti wujud dalam morfologi bahasa Melayu. Namun sehingga kini penggandaan berima kurang mendapat perhatian di kalangan pengkaji dan penyelidik bahasa, walaupun penggunaannya di kalangan penutur bahasa Melayu tidak sedikit bilangannya jika dibandingkan dengan kata ganda yang lain

seperti kata ganda suku kata pertama dan ganda semu. Mengapa kata ganda berima masih asing berbanding kata ganda yang lain?

Hal ini disebabkan penggunaan kata ganda berima yang jarang muncul dalam konteks bahasa formal berbanding dalam bahasa lisan dan daerah, menyebabkan kajian terhadapnya kurang diambil berat. Manakala bahasa formal pula lebih memanfaatkan penggunaan kata ganda penuh dan separa, selain turut menekankan penggunaan kata akar, kata berimbunan dan kata majmuk. Apabila kata ganda berima dianggap tidak sesuai digunakan, sudah tentu perhatian terhadapnya berkurangan sekaligus penggunaannya dalam konteks formal turut berkurangan.

Apakah benar tanggapan bahawa kata ganda berima itu lebih sesuai digunakan dalam konteks yang tidak formal sahaja (misalnya bahasa koloqial / percakapan dan dalam karya-karya kreatif)? Faktor pembentukan boleh menjadi sebab mengapa sesuatu kata tidak digunakan dalam konteks yang tertentu, tetapi digunakan dalam konteks yang lain. Misalnya, bahasa istana diamalkan dalam konteks keluarga diraja dan urusan istana sahaja kerana tidak diterima pakai dalam urusan golongan biasa. Bahasa moden pula dibentuk dan digunakan bagi menggantikan bahasa bersifat arkaik. Misalnya istilah *ibu* atau *emak* digunakan secara meluas bagi menggantikan istilah *bonda* (yang mungkin asalnya dibentuk mengikut lunas dan laras bahasa arkaik). Jadi, mungkinkah kata ganda berima itu hanya dibentuk sebagai bahasa koloqial?

Makalah ini cuba menjawab persoalan-persoalan ini dengan mengaitkannya kepada asas pembentukan kata ganda berima dan faktor kewujudannya dalam bahasa Melayu. Melalui kenal pasti faktor pembentukan kata ganda berima, penulis berharap dapat menjelaskan beberapa perkara iaitu (i) fungsi kewujudannya; (ii) faktor yang mempengaruhi ciri pembentukannya; dan (iii) elemen-elemen linguistik yang terkandung di sebalik proses pembentukannya (cth. fonologi, morfologi, semantik dsb). Melalui hasil kajian ini akan dapat menentukan benar atau tidak kata ganda berima bukan bahasa formal. Ini juga akan membantu kita mengenal pasti potensi aplikasi kata ganda berima selain yang wujud sekarang.

KATA GANDA BERIMA DALAM DIALEK KELANTAN

Dialek Kelantan merupakan antara dialek yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dialek Kelantan agak unik dalam kalangan dialek-dialek Melayu kerana aspek pengulangan dalam dialek Kelantan berbeza dengan pengulangan bahasa Melayu standard, iaitu dibentuk melalui perkembaran (*geminatio*) huruf konsonan awalan berbanding pengulangan kata akar/dasar. Bahkan penggunaannya lebih meluas berbanding bentuk standard yang jarang-jarang digunakan. Misalnya *kura-kura* disebut sebagai [k:uɣo], dan *molek-molek* disebut sebagai [m:ɔləʔ]. Tetapi penggantian standard masih juga diamalkan bagi perkataan tertentu, misalnya *macam-macam* [macɛ-macɛ] dan *berpada-pada* [p:adɔ-padɔ].

Penggandaan berima jarang ditemui dalam dialek Kelantan. Namun dialek tersebut masih menggunakan segolongan kata ganda bebas¹ tetapi terhad jumlahnya. Penulis telah mengumpulkan sejumlah kata ganda bebas yang sering digunakan, seperti di bawah. Senarai tersebut menunjukkan bahawa, bukan sahaja bentuk eufoni seperti yang dipamerkan oleh penggandaan berima yang umum² tidak digunakan oleh dialek Kelantan, malahan pelengkap (kata gandaan) juga kebanyakannya berbeza. Misalnya *panas terik* digantikan dengan [panah cɛŋ], *tinggi lampai* digantikan dengan [tiŋgi laŋgoʔ]. Kesemua kata ganda tersebut pula merupakan kata

adverba. Ini secara tidak langsung menghadkan peranan kata ganda bebas dalam dialek Kelantan tersebut hanya untuk menjelaskan ciri dan sifat sesuatu keadaan. Tidak dapat dipastikan sama ada wujud atau tidak golongan kata sebegini bagi kelas kata yang lain kerana tiada data yang diperoleh.

Basah	[basəh jəyoʔ]	Kecil	[kəciʔ b'ələh],	Panas	[panah cən],
Biru	[biyu k:ətu]		[kəciʔ tuəʔ]		[panah so'oh]
Bising	[bisin bəŋa]	Keras	[kəyah k:əkən]	Panjang	[panjə d:əpə],
Bulat	[bulaʔ gətə]	Kering	[kəyin g:ayin]		[panjə j:ələ]
Busuk	[busuʔ b:əŋa],	Ketat	[kətaʔ gələmaʔ]	Pekat	[pəkaʔ likaʔ]
	[busuʔ kəhən]	Kubang	[kubə lana]	Pendek	[pəndəʔ kət:oʔ],
Cair	[caə lələ]	Kuning	[kuniŋ nəhə]		[pəndəʔ kət:oʔ]
Cerah	[cəyoh jiləh]	Kurus	[kuɣuh kəyin]	Putih	[putih ləpoʔ]
Comel	[comə l:ətən]	Lega	[ləgə lit:ə]	Sejuk	[səjuʔ s:əpəʔ]
Geli	[gəli gələmə]	Licin	[licin yəlin]	Senyap	[səŋaʔ s:uni]
Gemuk	[gəmuʔ mətən]	Manis	[manih lət:in]	Sinar	[sina bəŋa]
Hangit	[hanjʔ ləton]	Masam	[masə yəbən],	Tawar	[tawə əbə],
Hijau	[hija k:ələŋ]		[masə puɣiʔ]		[tawə ləmbə]
Hitam	[hitə ləg:ə],	Merah	[məyoh nalə]	Tinggi	[tinggi ləŋgoʔ]
	[hitə l:ənjiʔ]	Nipis	[nipih səluwəh]		
Hodoh	[hudəh səpə]	Pahit	[pahit ləpə]		

Berdasarkan dapatan ini, menunjukkan pada kita bahawa penggandaan berima bahasa Melayu seakan-akan terikat pada peringkat fonologi dan bergantung kepada sesuatu dialek. Ini kerana pada masa yang sama proses dan fungsi penggandaan masih wujud dalam dialek Kelantan. Maka keadaan ini seolah mengiyakan bahawa penggandaan berima itu hanya dibentuk berdasarkan eufoni dan naluri penuturnya.

Sedangkan penulis berpendapat bahawa pembentukan penggandaan berima lebih dari sekadar eufoni. Hasil kajian penulis dalam (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011; Mohd Yunus *drk*, 2010) mendapati kata ganda berima bahasa Melayu didasari oleh beberapa rumus pembentukan yang tetap yang telah dikenal pasti. Manakala dari aspek maknanya pula, didapati kata ganda berima itu memperlihatkan peranan yang konsisten iaitu membentuk makna kepelbagaian. Maka peranan kata ganda berima penting bukan sahaja dalam konteks membentuk bahasa yang indah tetapi juga mampu menyampaikan maksud dengan jitu.

Persoalannya, jika penggandaan berima itu wujud lebih dari sekadar fonologi, mengapa ia tidak wujud dalam dialek Kelantan walaupun fungsi penggandaannya ada? Adakah benar


penggandaan berima hanya dibentuk semata-mata atas dasar eufoni? Hal ini akan cuba ditentukan melalui faktor pembentukan eufoni.

PENGGANDAAN TERHASIL DENGAN FUNGSI TERTENTU

Amnya ahli bahasa menganggap penggandaan bunyi seperti yang terdapat pada kata ganda berima, merupakan fenomena pembentukan eufoni. Asmah mendakwa kata ganda berima bahasa Melayu terbentuk atas dasar kesesuaian bunyi semata-mata (1975:193; 2008:37; 2009:256). Penggandaan atau pengulangan bunyi juga dikatakan berlaku untuk membentuk corak bunyi yang sesuai, yang ditentukan berdasarkan resam (kebiasaan) akustik dan persepsi (Hurch *drk*, 2011:7). Terdapat empat jenis penggandaan bunyi yang dikenal pasti iaitu (i) penggandaan segmen, (ii) penggandaan sebahagian suku kata, (iii) penggandaan suku kata, dan (iv) penggandaan corak berima (Hurch *drk*, 2011:7-8). Walaupun jenis yang terakhir itu merujuk kata-kata puisi, sifat penggandaan corak berima itu jelas merangkumi kata ganda berima yang berlaku dalam bahasa Melayu.

Pandangan ini menggambarkan seolah-olah kata ganda berima itu terhasil hanya sebagai satu bentuk kata-kata indah dan bersifat puitis yang terbentuk berdasarkan kreativiti penutur. Justeru peranannya tidak lebih dari sekadar satu cabang kesenian yang wujud dalam bahasa. Tidak hairanlah dalam penggunaan bahasa formal yang mengutamakan penyampaian maksud berbanding keindahan bahasa, kata ganda berima jarang digunakan.

Tetapi pembentukan eufoni juga mungkin berlaku atas faktor yang lebih penting. Regier (1998) mengkelaskan peranan atau makna penggandaan mengikut tiga perlambangan iaitu makna jamak, pengulangan dan 'bayi' (sebagai bahasa untuk pemerolehan). Tiga perlambangan ini dicambahkan pula kepada makna-makna tertentu berdasarkan pengkaitan semantik (*semantic extension*) seperti digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Perkaitan perlambangan dan semantik bagi penggandaan (Regier, 1998:888). Amnya penggandaan berkait secara langsung dengan tiga lambang, tetapi berkait secara semantik dengan makna-makna tertentu menerusi lambang tersebut.

Kajitani (2011) turut membuat membuat perbandingan semantik terhadap proses penggandaan di kalangan 16 bahasa (termasuk bahasa Indonesia) berdasarkan empat makna : *augmentasi*, *intensifikasi*, *atenuasi* dan *diminitif*. Beliau mendapati kesemuanya mempunyai ciri semantik

augmentasi atau penambahan (2011:100). Selain itu, kebanyakan bahasa tersebut menjalankan penggandaan bagi tujuan perubahan paras seperti *intensifikasi* atau penekanan dan *atenuasi* (lawan penekanan). Hanya sebahagian kecil bertujuan untuk pengurangan jumlah.

Antara fungsi penggandaan ialah pemerolehan bahasa (Hurch *drk*, 2011:9). Pengulangan dalam pemerolehan bahasa hanya berlaku pada peringkat fonologi melibatkan pengulangan suku kata tanpa melibatkan perubahan makna (iaitu penggandaan makna). Misalnya:

Bahasa Inggeris: [be:be:] untuk *biscuit*, [a..a..] untuk *all right*

Bahasa Jerman: [nana] untuk *Nase*, [bebe] untuk *Bär*, [dada] untuk *danke*, [bubu] untuk *Papier*

Bahasa Perancis: [ne'ne] untuk *donner*, [bubu] untuk *bouche*, [vava] untuk *vache*

(dipetik dari Hurch *drk*, 2011:9)

Aspek pembentukan berima untuk pemerolehan ini juga wujud dan sering digunakan dalam bahasa Melayu, seperti berikut:

[mama] untuk *mak*, [ɔʔɔʔ] untuk *berak/buang air besar*, [nen:en]/[cucu] untuk *susu*, [tate] untuk *tatih/jalan* dsb.

Secara amnya, penggandaan berlaku untuk melaksanakan fungsi tertentu. Pembentukan eufoni itu pula terhasil daripada faktor keperluan penutur dan fungsinya sebagai salah satu penampilan penggandaan. Jika eufoni tidak terbentuk sekalipun, fungsinya mungkin boleh dilakukan melalui proses yang lain. Ini menjelaskan mengapa eufoni gandaan berima standard tidak wujud dalam dialek Kelantan. Tetapi, bagaimana pula ia boleh wujud dalam bahasa Melayu? Hal ini akan dijelaskan dalam perbincangan seterusnya mengenai sistem penampilan dalam bahasa Melayu.

SISTEM PENAMPILAN (EKSPRESIF) DALAM BAHASA MELAYU

Collins (1979) membuat tinjauan dalam kalangan penutur dialek Melayu Kedah, berhubung dengan sistem penampilan (ekspresif) dalam bahasa lisan di kalangan penutur bahasa Melayu. Sistem penampilan merangkumi segolongan perkataan yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu maksud, misalnya bunyi, bentuk atau peristiwa. Jakobson mengatakan penampilan atau ekspresif “*memberi isyarat kehadiran perasaan tertentu dalam diri penutur*” (Jakobson, terj. dlm Collins, 1979:380). Collins merumuskan bahawa “*penampilan merupakan suatu ajukan rasa mengenai sesuatu peristiwa yang menimbulkan penampilan itu*” (terj. Collins, 1979:381). Manakala penampilan itu pula tergolong sebagai simbol (ikon), iaitu “*isyarat bukan rambang secara sengaja, sebagai suatu lambang yang mempunyai ciri persamaan dalaman kepada perkara yang dilambangkan*” (Pierce, terj. dlm Collins, 1979:381).

Antara contoh penampilan dalam bahasa Melayu yang dikumpulkan melibatkan kata yang menggambarkan bunyi-bunyian seperti *gang*, *bup*, *tit-tit*, *siap-siap*, *kuek-kuek* dan *biu-biu*. Collins mendakwa sesetengah penampilan telah ‘disalahtafsirkan’ dalam (Abdullah, 1974) di mana kata *debap*, *decit* dan *degam* digolongkan sebagai ‘akar kata kerja’. Walhal kata-kata ini diterbitkan dari *bap*, *cit*, dan *gam* yang tergolong sebagai kata dasar simbol (Collins, 1979:397). Abdullah menggolongkan kata ganda yang terbit daripada kata-kata tersebut (masing-masing *debup-debap*, *decat-decit*, *degum-degam*) sebagai kata ganda berima.

Kata penampilan bahasa Melayu tergolong dalam kelasnya yang tersendiri (Collins, 1979:389). Setiap bunyi yang terkandung dalam kata penampilan didakwa mempunyai makna yang tertentu. Ini menunjukkan pemilihannya bukanlah secara rambang kerana setiap bunyi mempunyai ikatan yang kuat dengan peristiwa yang dilambangkan. Penampilan dikatakan dibentuk dengan cara yang khusus bagi menggambarkan peristiwa yang diperihalkan. Misalnya kata penampilan *cuk-crat* [cu? cRāt] (bunyi orang berjalan dalam bendang) didakwa mempunyai urutan peristiwa berikut (terj. Collins, 1979:388):

- [c], sentuhan permulaan dengan permukaan berair,
- [u], riak sebaik saja kaki terbenam dalam lumpur,
- [?], pergerakan terhenti apabila kaki mencecah dasar yang lembut,
- [c], geseran apabila kaki ditarik dari lumpur,
- [R], geseran seterusnya dengan lumpur,
- [ā], riak terhasil apabila kaki dikeluarkan dari lumpur
- [t], kesudahan mendadak sebaik saja kaki bebas dari dalam lumpur dan air.

Berhubung penjelasan ini, penulis berpendapat bahawa andaian ini mungkin agak keterlaluan (berlebihan). Walhal sebenarnya terdapat penjelasan yang lebih mudah. Oleh kerana kata penampilan cuba menjelaskan bunyi sesuatu peristiwa, maka sudah tentu bunyinya cuba dibentuk semirip yang mungkin dengan peristiwa. Sebab itu terhasil kata sedemikian yang disebabkan cubaan menghasilkan semula bunyi dalam bentuk perwakilan simbol-simbol, dan bukan menghasilkan penceritaan. Makna bunyi yang wujud dari rentetan [cu? cRāt] mungkin tidaklah terperinci seperti yang digambarkan. Sebaliknya rentetan bunyi tersebut terhasil daripada penyelarasan simbol-simbol tertentu dengan bunyi yang cuba digambarkan.

Penulis agak sukar untuk menerima andaian ini, kerana kata penampilan tidak mampu menjelaskan peristiwa-peristiwa yang terlibat secara terperinci. Bagaimana dengan kata penampilan *degum-degam*? Apakah peristiwa-peristiwa yang terlibat? Tentunya sukar untuk mengetahui peristiwa tersebut melainkan kita sendiri pernah mengalaminya. Berdasarkan kata penampilan itu, kita cuma boleh menggambarkan keseluruhan peristiwa yang cuba disampaikan (iaitu bunyi dentuman, misalnya dentuman guruh).

Namun hasil kajian mengenai kewujudan sistem penampilan di kalangan penutur bahasa Melayu dapat memberi gambaran kepada kita tentang suatu kemungkinan bagaimana kata ganda berima terbentuk iaitu, pembentukan kata ganda berima berasaskan pembentukan kata penampilan. Tambahan pula, dalam kalangan kata ganda berima yang dikumpul oleh penulis sebagai sampel terdapat sejumlah kata, jika berdasarkan pengelasan Collins, didapati menyerupai kata penampilan iaitu:

desas-desus (sas)	degap-degup (gap)
cebar-cebur (bar)	dentam-dentum (tam)
celam-celum (lam)	deru-deram (ru)
celas-celus (las)	detap-detup (tap)
cepak-cepuk (pak)	lerap-lerup (rap)
cerap-cerup (rap)	susuk-sasak (suk)
debap-debup (bap)	susup-sasap (sup)
degam-degum (gam)	lentum-lentam (tam)

Setiap kata ‘ganda berima’ ini boleh dikategorikan sebagai kata penampilan kerana menggambarkan bunyi suatu rentetan peristiwa (diterbitkan dari kata simbol dalam kurungan). Berdasarkan senarai ini jelas menunjukkan terdapat pola tertentu di mana kesemuanya dimulai dengan ‘de-’, ‘ce-’, ‘le-’ dan ‘su-’, manakala kesemua akhirnya pula berbentuk CuC-CaC (kecuali *deru-deram*). Brandstetter menyatakan terdapat imbuhan yang dikaitkan dengan kata *onomatopoeic* dalam bahasa Melayu iaitu ‘de-’ dan ‘ke-’, di mana Maxwell dan Wilkinson mengaitkan imbuhan-imbuhan ini dengan fungsi pembentukan bunyi (dari Collins, 1979: 382-383). Collins pula mengatakan wujudnya gabungan imbuhan antara {ke-, ge-} dengan imbuhan seterusnya merangkumi {de-, re-, te-, le} yang membentuk kata penampilan, misalnya *gedebang, gedebum, gedebuk, kelepong, kelepuh, ketekeng, ketekam* dsb. (1979: 383-384).

Sistem penampilan dibentuk untuk menjelaskan sesuatu peristiwa atau perasaan penutur, dan berdasarkan dapatan Collins jelas merangkumi sebahagian kata ganda berima. Mungkinkah pembentukan kata ganda berima itu diinspirasikan daripada kata penampilan, atau sebenarnya evolusi daripada penggunaan kata penampilan? Jika benar, maka berkemungkinan matlamat pembentukan kata ganda berima adalah sama dengan matlamat sistem penampilan. Selain itu sistem penampilan ini didapati hanya wujud dalam bahasa lisan. Justeru tidak hairanlah jika kata ganda berima sebahagiannya hanya terpakai dalam bahasa lisan.

Tetapi dalam bahasa Melayu, kata ganda berima tidak hanya terhad sebagai kata penampilan bunyi sesuatu peristiwa. Misalnya kata *beli-belah, calar-balar* dan sebagainya jelas bukan terbentuk untuk menggambarkan bunyi peristiwa semata-mata sebaliknya membentuk makna yang menjelaskan sesuatu sifat, keadaan, jumlah dan sebagainya. Berdasarkan kajian penulis, aspek makna bagi kata ganda berima dapat dirumuskan sebagai mewujudkan makna ‘pelbagai’ (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011; Mohd Yunus *drk*, 2010). Oleh kerana pembentukannya disertai dengan penggandaan makna (proses morfologi) maka faktor penggandaan berima jelas melangkaui aspek pembentukan kata penampilan. Tetapi penampilan itu masih boleh digolongkan sebagai kata ganda berima kerana penampilan juga mengandungi aspek ‘kepelbagaian’ (bunyi).

Oleh itu, kewujudan penampilan tidak membuktikan bahawa kata ganda berima hanya sesuai sebagai unsur bahasa koloqial dan bahasa tidak formal. Tetapi kita dapat lihat bahawa salah satu fungsi pembentukan kata ganda berima (dan mungkin menjadi faktor pembentukannya) ialah peranan sebagai suatu sistem penampilan, bahkan fungsinya lebih luas berbanding penampilan. Oleh kerana sistem penampilan itu sudah biasa digunakan dalam bahasa Melayu, maka berkemungkinan ianya turut digunakan sebagai satu kaedah pembentukan kata ganda berima, sekaligus menjelaskan asas pembentukan eufoni pada kata ganda berima.

Namun timbul pula persoalan, apakah faktor pembentukan eufoni itu? Misalnya, bagaimanakah *sayur-mayur* boleh terbentuk? Mengapa bukan *sayur-siyir* dan sebagainya? Penulis pernah merumuskan beberapa kaedah yang mungkin telah diguna pakai dalam pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011). Namun sebab dan alasan mengapa pasangan perubahan wujud sedemikian (misalnya *s* kepada *m* dalam *sayur-mayur*) masih belum terjawab.

RIMA SEBAGAI SIFAT SEJAGAT BAHASA

Bahasa Melayu bukanlah satu-satunya bahasa yang mengandungi kata berbentuk rima. Bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Tamil juga mengandungi unsur rima. Misalnya bahasa Inggeris mengandungi koleksi kata ganda berima seperti berikut (Shanti, 2006):

<i>wiggy-waggy</i>	<i>ship shape</i>	<i>bow wow</i>
<i>widdle-waddle</i>	<i>tip-top</i>	<i>teeny weeny</i>
<i>chit-chat</i>	<i>criss-cross</i>	<i>boogie woogie</i>
<i>flip-flop</i>	<i>see saw</i>	<i>lovey dovey</i>
<i>rip-rap</i>	<i>handy dandy</i>	<i>itsy bitsy</i>
<i>ping pong</i>	<i>hurly burly</i>	

Namun kata-kata ganda ini dikelaskan sebagai kata majmuk berima (*rhyming compounds*) atau kata majmuk oleh Katamba (1993:292-293). Terdapat beberapa jenis pemajmukan yang berima, merangkumi (i) kata majmuk berima melibatkan kata bebas, dan (ii) kata majmuk berima yang unit-unitnya bukan berbentuk bebas. Jenis (i) merangkumi kata seperti,

Black-Jack, claptrap, nightlight

Jenis (ii) pula merangkumi kata seperti,

<i>nitwit</i>	<i>skitwit</i>	<i>hobnob</i>
<i>titbit</i>	<i>helter-skelter</i>	<i>namby-pamby</i>

Jenis (ii) dikelaskan sebagai kata majmuk kerana unit-unitnya bukan imbuhan (Katamba, 1993:292). Kata berima jenis ini mengalami perubahan pada huruf vokal pertamanya sahaja (Shanti, 2006:42). Hal ini berlaku juga dalam bahasa Melayu misalnya *herot-perot*, *kuih-muih*, *kaih-maih*, *lauk-pauk* dsb, di mana sekurang-kurangnya 28 kata bahasa Melayu mempamerkan ciri ini (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011).

Selain itu, dalam bahasa Inggeris terdapat kata majmuk yang seakan-akan berima iaitu kata majmuk yang dibentuk berasaskan *ablaut* atau perubahan vokal merangkumi kata seperti,

<i>zigzag</i>	<i>dilly-dally</i>	<i>sing-song</i>
<i>tittle-tattle</i>	<i>tick-tock</i>	<i>wishy-washy</i>

Perubahan vokal melibatkan ablaut merangkumi perubahan vokal /e, i, o/ kepada /a, u/ (Shanti, 2006:43). Berdasarkan contoh yang diberikan, konsep rima bagi kata bahasa Inggeris hanya merujuk kepada gabungan kata yang berbeza hanya pada huruf-huruf konsonan awalnya sahaja (misalnya *claptrap*, *nitwit*), tetapi bagi perubahan ablaut ia tidak dianggap berima (misalnya *zigzag*, *tittle-tattle*).

Manakala dalam bahasa Tamil juga mengandungi ciri penggunaan kata berima, seperti berikut (Shanti, 2006):

<i>tumbi kimbi</i> (batuk dan bersin)	<i>mellum keellum</i> (atas dan bawah)
<i>maram kiram</i> (pokok dan belukar)	<i>kadum veedum</i> (hutan dan rumah)
<i>elumbum tollum</i> (kulit dan tulang)	<i>anum pennum</i> (lelaki dan perempuan)
<i>inbam tumbam</i> (kegembiraan dan kesedihan)	<i>kuchi kichi</i> (ranting dan kayu)
<i>kastam nastam</i> (kesusahan dan kehilangan)	<i>konji kinji</i> (keluh dan kesah)

Kata ‘berima’ dalam bahasa Tamil lebih menyerupai rangkap kata dalam bahasa Melayu, di mana dua perkataan yang saling berkait makna dan bunyinya digabungkan sebagai satu unit. Namun jika dipisahkan, setiap unit boleh bertindak sebagai kata bebas. Hal ini sama dengan kata bahasa Melayu seperti *anak cucu*, *laki bini*, *suami isteri* dsb.

Salah satu penggandaan dalam bahasa Puyuma dan Siraya (bahasa Formosa), iaitu penggandaan dua suku kata (*disyllabic reduplication*), mempamerkan persamaan dari aspek rima dan semantik dengan penggandaan berima bahasa Melayu. Misalnya dalam contoh berikut (Zeitoun dan Wu, 2006):

Puyuma:

drenan (gunung) -> *drena-drenan* (gunung-gunung)

turus (ikut) -> *turu-turus* (terus mengikuti)

dawil (jauh) -> *dawi-dawil* (sangat jauh)

Siraya:

ravak (kubur) -> *rava-ravak* (kubur-kubur)

ayam (burung) -> *ay-ayam* (burung-burung)

lĭtu (syaitan) -> *lĭtu-lĭtu* (syaitan-syaitan)

/vuney/ (-) -> *vuna-vuney* (selalu / kerap kali)

Walau bagaimanapun penggandaan-penggandaan lainnya tidak mempamerkan persamaan, dan pengulangan dalam contoh-contoh tersebut pula terhad pada pengulangan dua suku kata. Bahasa Siraya dikatakan meminjam istilah dan kata dari bahasa Melayu yang dipinjam menerusi pendudukan Belanda di pulau Taiwan, pemindahan menerusi bahasa Tagalog, mahupun hubungan terus antara Tanah Melayu dengan Taiwan (Adelaar, 1994).

Mackenzie pula menyenaraikan kata berima yang wujud dalam bahasa Itawes (bahasa Itawes/Itawit/Itawis merupakan bahasa sebahagian penduduk Luzon di Kepulauan Filipina). Penggandaan berima bahasa Itawes menghasilkan empat golongan makna iaitu ‘penggandaan’ bagi kata nama, makna ‘bersangatan’ kepada kata adjektif, ciri ‘progresif’ dan juga sesuatu yang ‘baru lepas’ (2010:3). Berikut ialah contoh penggandaan berima dalam bahasa Itawes yang dinyatakan oleh (Mackenzie, 2010:3):

[bɔssɔt] ‘potbellied’ ~ [bɔsɔ-bɔssɔt]

[bobo] ‘dumb’ ~ [bob-bobo]

[nə-lutu] ‘ripe’ ~ [nə-lut-lutu]

[danə] ‘old’ ~ [dənə-danə]

[nə-bə'sa] ‘wet’ ~ [nə-bəsə-bə'sa]

Hakikatnya bahasa-bahasa lain juga mengandungi kata berima walaupun tidak semestinya kata ganda. Satu ciri penting yang jelas di sini ialah pembentukan kata berima itu tidak terikat dengan proses morfologi. Misalnya bahasa inflektif seperti bahasa Inggeris turut mengamalkan kata berima, meskipun bahasa tersebut tidak mengamalkan proses pengulangan kata dan percantuman mendatar sebagai suatu proses penggandaan. Namun kata berima itu dibentuk berdasarkan pemajmukan antara kata akar dengan pelengkap (yang dibentuk melalui gubahan eufoni tertentu yang melibatkan perubahan minimum merangkumi satu atau dua huruf sahaja). Maka secara umumnya, walaupun kita dapat menentukan faktor pembentukan eufoni sesuatu bahasa (rumus pembentukan) belum tentu ianya terpakai untuk pembentukan dalam bahasa Melayu.

MERUMUSKAN FAKTOR PEMBENTUKAN KATA GANDA BERIMA

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan mengenai kata ganda berima di atas, terdapat beberapa faktor pembentukan yang dikenal pasti mungkin terlibat. Salah satu faktor pembentukan kata ganda berima ialah ianya bukan dibentuk atas faktor fonologi semata-mata. Kurangnya kata ganda berima dalam dialek Kelantan dan dialek sepertinya boleh dijelaskan berdasarkan faktor bahawa proses perkembaran konsonan itu mungkin turut merangkumi penggantian ‘berima’nya. Selain proses penggantian, perkembaran konsonan juga wujud sebagai fungsi pembeza ([k:atɔʔ] *pukul* dengan [katɔʔ] *katak*), dan pengganti imbuhan ([dʒ:alɛ] *berjalan* dengan kata dasar [dʒalɛ] *jalan*). Justeru perkembaran konsonan dilihat menjadi proses fonologi umum kepada pembentukan kata dalam dialek Kelantan, dan sekaligus mengurangkan kepentingan penggantian berima seperti dalam bahasa Melayu standard sebagai satu proses pembentukan kata untuk dialek tersebut.

Tidak seperti perkembaran konsonan yang menjadi proses umum dalam dialek Kelantan, bahasa Melayu standard mempunyai proses-proses pembentukan yang khusus bagi fungsi tertentu, misalnya pengulangan kata bagi proses penggantian. Berdasarkan kajian penulis, penggantian berima jelas mempunyai fungsi umum merangkumi aspek fonologi dan morfologi yang tidak terdapat dalam proses pembentukan kata yang lain. Ketiadaan proses khusus bagi membentuk makna ‘pelbagai’ menjadi faktor kepada pembentukan kata ganda berima dalam bahasa standard.

Satu lagi faktor yang tidak kurang pentingnya berkenaan pembentukan kata ganda berima ialah sifat berima atau eufoni itu sememangnya sejagat dan terdapat dalam pelbagai bahasa. Justeru pembentukan kata ganda berima mungkin turut didorong oleh sifat semulajadi penutur yang berminat terhadap bahasa-bahasa berima, yang bersifat puitis dan sedap didengar. Namun proses pembentukannya (proses fonologi) itu mungkin unik bagi bahasa-bahasa tertentu, dan fungsinya juga berbeza bagi setiap bahasa. Di dalam bahasa Melayu penggantian berima tertumpu kepada pembentukan makna kepelbagaian, tetapi bahasa lain misalnya bahasa Inggeris mungkin tidak menumpukan pada kategori makna yang sama. Sebaliknya bagi bahasa Inggeris, makna kepelbagaian diterapkan dalam fungsi inflektif untuk jamak melalui penambahan imbuhan akhiran ‘-s’, sementara kata berima yang wujud hanya bersifat pelengkap / penyeri bahasa, umpamanya sistem penampilan. Hal ini juga dapat dilihat pada kata berima bahasa Itawes yang tidak merangkumi peranan sebagai fungsi makna ‘kepelbagaian’. Justeru, kita dapat merumuskan bahawa ciri eufoni dalam penggantian berima bahasa Melayu bukanlah unik untuk penggantian berima (sekali gus menafikan bahawa faktor eufoni yang mendorong pembentukan proses penggantian berima). Sebaliknya gabungan ciri eufoni dan pempelbagaian makna telah membentuk proses tersebut sebagai suatu gabungan proses fonologi dan morfologi.

Faktor pembentukan eufoni kata ganda berima bahasa Melayu mungkin didorong oleh penggunaan sistem penampilan di kalangan penutur bahasa Melayu. Andaian ini berdasarkan kepada sifat dan ciri kata penampilan yang mirip kepada kata ganda berima. Namun bezanya ialah penampilan terhad kepada penjelasan untuk bunyi yang tertentu. Kata penampilan tidak merangkumi sifat-sifat selain bunyi seperti keadaan, kepelbagaian unsur dan sebagainya yang juga tidak diterapkan dalam proses morfologi yang lain. Justeru proses pembentukan kata yang dapat membentuk golongan makna ‘pelbagai’ ini mungkin mendasari pembentukan kata ganda berima, sementara proses fonologinya pula dipengaruhi oleh faktor pembentukan kata

penampilan yang sedia ada. Andaian ini diperkuatkan lagi dengan ketiadaan kata penampilan dalam dialek Kelantan, yang juga tidak menggunakan kata ganda berima.

TEORI PEMBENTUKAN KATA GANDA BERIMA BAHASA MELAYU

Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat, penulis membentuk suatu teori berhubung pembentukan kata ganda berima dalam bahasa Melayu. Penulis mempercayai bahawa kata ganda berima pada asalnya wujud atau diilhamkan oleh kata penampilan dari suatu bahasa daerah tertentu. Ini berdasarkan kewujudan dan penggunaan kata rima sebagai kata penampilan dalam bahasa Melayu daerah, misalnya dialek Kedah, walaupun fungsinya terhad sebagai simbol atau penampilan sesuatu peristiwa.

Namun apabila penutur bahasa Melayu telah terdedah kepada bahasa-bahasa tertentu (andaikan bahasa X) yang mempamerkan ciri berima yang sama tetapi berbeza fungsinya, maka penggunaannya diperluaskan ke luar konteks sistem penampilan. Antara pengembangan yang berlaku ialah perluasan fungsi kata berima itu sepertimana fungsi-fungsi morfologi yang wujud dalam bahasa X. Misalnya bagi bahasa Itawes menggunakan rima untuk menampilkan makna ‘berterusan’ dsb, atau Inggeris untuk makna ‘pelbagai ragam’. Tetapi bahasa X yang mempengaruhi itu tidaklah diketahui, dan tidak mustahil bahasa sumber (X) ini melibatkan lebih dari satu bahasa. Hasilnya ialah suatu sistem eufoni yang membentuk kata-kata puitis, dan digunakan untuk menjelaskan makna ‘kepelbagaian’ dalam bahasa Melayu sepertimana konsep pembentukan kata ganda berima yang digunakan sekarang.

Penerimaan dan penggunaan kata ganda berima itu juga terhad kepada dialek-dialek yang mempunyai proses fonologi yang sama, tetapi tidak kepada dialek yang berbeza misalnya dialek Melayu Pattani, Kelantan dan Terengganu. Ini menjelaskan mengapa sistem berima tersebut tidak wujud dalam dialek-dialek terbabit. Hal ini boleh berlaku kerana pembentukan rima itu tidak terikat secara langsung dengan proses morfologinya (pembentukan makna gandaan) tetapi sebagai satu bentuk ‘penampilan’ kepada maksud ‘kepelbagaian’ yang mendasari penggandaan berima. Model *Morphological Doubling Theory* (Inkelas, 2005; Inkelas dan Zoll, 2005) dapat menerangkan hal ini dan diuraikan oleh penulis dalam (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011). Malah hal ini diperlihatkan oleh kepelbagaian fungsi kata berima dalam bahasa-bahasa yang berbeza.

Bagi menjawab persoalan sama ada kata ganda berima itu bersifat formal atau tidak, kita boleh menilainya berdasarkan kepentingan proses pembentukan itu dalam menyampaikan sesuatu makna. Sekiranya fungsi makna itu tidak dapat dilaksanakan oleh mana-mana golongan kata, maka golongan kata yang dapat melaksanakan fungsi tersebut harus dilihat penting sebagai suatu komponen bahasa. Dalam aspek bahasa formal, makna ‘kepelbagaian’ sememangnya boleh disampaikan melalui penggunaan kata ‘pelbagai’, ‘berbagai-bagai’, ‘bermacam-macam’ dan sebagainya. Maka fungsi makna kepelbagaian yang dilakukan oleh kata ganda berima tidaklah begitu diperlukan.

Namun dalam konteks-konteks tertentu penggunaan kata ganda berima sememangnya perlu untuk menyampaikan maksud yang tepat. Misalnya kata *desas-desus* (pelbagai ‘cakap-cakap’) dapat menyampaikan maksud yang lebih jitu berbanding *khobar angin* (satu atau banyak?). Begitu juga dengan kata *lintang-pukang* atau *tunggang-langgang* yang sukar digantikan oleh perkataan-perkataan atau frasa lain yang lebih ekonomikal atau setara maknanya. Justeru

penggunaan kata ganda berima adalah wajar diutamakan walaupun sesetengahnya iaitu kata penampilan hanya sesuai digunakan dalam bahasa tidak formal atau koloqial. Secara umumnya penjelasan berhubung peranan kata ganda berima dalam bahasa formal belum tuntas, namun yang pasti ianya tidak terhad pada kepada bahasa tidak formal berdasarkan kepentingan dan keunikan cirinya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, makalah ini mengetengahkan Teori Pembentukan Kata Ganda Berima untuk mencari jawapan kepada persoalan sama ada kata ganda berima itu dibentuk bagi tujuan formal atau tidak formal, di samping menentukan faktor-faktor lain pembentukan kata ganda berima.

Pada masa yang sama teori ini juga turut menjawab persoalan penting iaitu sama ada kata ganda berima hanya terbentuk atas prinsip eufoni semata-mata. Hasilnya mengatakan faktor pembentukan kata ganda berima dalam bahasa Melayu bukanlah berlaku disebabkan pembentukan ciri eufoni. Tetapi ciri eufoni itu, yang sudah diterapkan melalui penggunaan kata penampilan, digunakan pula sebagai sebahagian daripada proses penggandaan berima. Selain pembentukan eufoni, pembentukan makna kepelbagaian sebagai hasil proses penggandaan juga berlaku dalam penggandaan berima.

Ketiadaan kata ganda berima dalam dialek Kelantan tetapi pada masa sama wujud konsep maksud kepelbagaian yang ditampilkan melalui proses lain (iaitu perkembaran konsonan), membuktikan bahawa pembentukan eufoni itu tidak terikat dengan proses penggandaan 'pelbagai'. Ini disokong pula oleh hakikat bahawa pembentukan kata ganda berima tidak hanya terhad pada bahasa Melayu sahaja dan dengan fungsi yang berbeza-beza.

Bentuk gubahan eufoni juga bergantung kepada ciri-ciri unik dalam sesuatu bahasa. Maka dalam hal menentukan faktor yang mempengaruhi eufoni sesuatu bahasa, kita perlu mengkaji sifat dan ciri eufoni yang unik dalam bahasa tersebut. Hal ini secara tidak langsung mendorong penulis untuk mengkaji lebih mendalam berhubung sifat dan ciri tersebut dalam kajian seterusnya.

NOTA Hujung

- [1] Penggolongan 'kata ganda bebas' berdasarkan Abdullah (2008)
- [2] Ciri umum penggandaan berima boleh dilihat pada sebahagian kata ganda berima bahasa Melayu yang telah disenaraikan oleh penulis dalam (Mohd Yunus dan Zaitul Azma, 2011).

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. *The Morphology of Malay*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL. 1974
- _____. *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. PTS Professional, KL. 2008
- Adelaar, K.A., Malay and Javanese Loanwords in Malagasy, Tagalog and Siraya (Formosa).
Dlm *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 150 (1994), no: 1, Leiden, 50-65. 1994
- Asmah Omar. *Essays on Malaysian Linguistics*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL. 1975

- _____. *Nahu Kemas Kini*. PTS Professional, KL. 2008
- _____. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL. 2009
- Collins, James. Expressives in Kedah Malay, dlm *South-east Asian Linguistic Studies* Vol. 4, ed. N.D. Liem, vol. 4, pp. 379-406. Pacific Linguistics, the Australian National University. 1979
- Hurch, Bernhard, dan Motomi Kajitani, Veronika Mattes, Ursula Stangel, dan Ralf Vollmann. Other Reduplication Phenomena. http://reduplication.uni-graz.at/texte/Other_Red_Phen.pdf (Dicapai pada 16 Mac 2011).
- Inkelas, Sharon. Morphological Doubling Theory: Evidence for morphological doubling in reduplication, dlm *Studies in Reduplication*, Bernhard Hurch (ed.), Mouton de Gruyter, Berlin, pp. 65-88. 2005
- Inkelas, Sharon dan Cheryl Zoll. *Reduplication: Doubling in Morphology*. Cambridge. Cambridge University Press. 2005
- Kajitani, Motomi. Semantic Properties of Reduplication among the World's Languages. Dlm *Proceedings of the Workshop in General Linguistics*. URL: <http://ling.wisc.edu/lso/wpl/5.1/LSOWP5.1-08-Kajitani.pdf> (Dicapai pada 16 Mac 2011).
- Katamba, Francis. *Morphology*. Palgrave, England. 1993
- MacKenzie, L. Reduplication in Itawes. *LSA Annual Meeting Extended Abstracts*, 0(0). <http://elanguage.net/journals/index.php/lsameeting/article/view/633/617> . (Dicapai pada 15 Mac 2011)
- Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima / Berentak Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, Jun 2011
- Mohd Yunus S., Zaitul Azma Z.H., Mohd Rohaizat A.W., dan Mat Rofa I. Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication. Dlm *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Volume 8, pp:750-756. 2010. (DOI: 10.1016/j.sbspro.2010.12.104)
- Regier, Terry. Reduplication and the arbitrariness of the sign. Dlm *Proceedings of the Twentieth Annual Conference of the Cognitive Science Society*, M. Gernsbacher and S. Derry, eds., 887-892. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates. 1998
- Shanti A. Nadarajan. Crosslinguistic study of Reduplication. *Arizona Working Papers in SLAT*, (13), 39-541. 2006
- Zeitoun, Elizabeth, Chen-huei Wu. An Overview of Reduplication in Formosan Languages. In *Streams Converging Into an Ocean*, 97-142. 2006